


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



PEPERIKSAAN KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN

Modul IV

Al-Quran dan Pembinaan Masyarakat

Februari 2018

Masa : 1 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **sepuluh (10)** soalan. Setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
- 2. Jawab **empat** soalan sahaja.*
- 3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman yang bercetak.

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**

Arahan : Sila jawab empat daripada soalan-soalan berikut:

- (1) Al-Quran dalam pembinaan masyarakat dan ketamadunan menekankan kepentingan kepimpinan baik secara individu, masyarakat atau negara. Berdasarkan kefahaman anda terhadap apa yang diajar oleh pensyarah anda bagaimanakah ia harus bermula, adakah daripada individu atau kepimpinan sesebuah negara? Berikan hujah anda.
- (2) Antara aspek yang ditekankan Al-Quran dalam pembinaan masyarakat adalah pengurusan kewangan. Secara ringkas, bagaimanakah Al-Quran mendidik ke arah pembinaan masyarakat melalui proses-proses berikut:
 - (a) Zakat
 - (b) Faraidh/Pusaka
- (3) Pada pandangan anda, apakah konsep kesamarataan yang diperjuangkan oleh sebahagian anggota masyarakat bertepatan dengan konsep keadilan yang dianjurkan oleh Islam? Berikan hujah anda.
- (4) Antara aspek dalam pembinaan masyarakat adalah pembinaan institusi keluarga. Berikan huraian anda secara ringkas mengenai:
 - (a) Kriteria pemilihan pasangan (suami/isteri) dalam neraca Islam.
 - (b) Didikan Islam dalam menangani masalah rumahtangga.
- (5) Tamadun mempunyai makna yang berbeza mengikut masyarakat. Apakah definisi tamadun mengikut kacamata Islam? Berikan ciri-ciri ketamadunan yang perlu ada dalam sesebuah masyarakat.

- (6) Seorang individu hebat pasti mempunyai ciri-cirinya. Berikan lima ciri utama yang patut anda dalam diri seorang individu hebat yang merangkumi aqal, emosi, pengetahuan, fizikal dan kepercayaan.
- (7) Jiran merupakan antara manusia yang terhampir dengan kita. Berapakah kategori jiran? Dan sebutkan hak-hak yang perlu dijaga dan dititikberatkan antara jiran tetangga.
- (8) Islam adalah agama yang menitik beratkan ilmu dan pendidikan. Apakah ciri atau bentuk pendidikan yang perlu ada dalam pembinaan sesebuah masyarakat?
- (9) Ibu bapa merupakan manusia yang sangat berjasa kepada kita dan sewajarnya kita membalas jasa-jasa mereka. Bagaimanakah kita membalas jasa mereka setelah kematian mereka?
- (10) Pada hemat anda, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk membina masyarakat Malaysia ke arah ketamadunan yang lebih tinggi?

KERTAS SOALAN TAMAT